



**CUKAI PERKHIDMATAN 2018**

**PANDUAN:  
PERKHIDMATAN  
EJEN KASTAM**

**Diterbitkan oleh :**

**Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Bahagian Cukai Dalam Negeri  
Putrajaya**

**30 Mei 2024**

## **Penerbitan**

Tarikh: 30 Mei 2024.

*Panduan Perkhidmatan Ejen Kastam pada 9 Ogos 2022 ditarik balik dan digantikan dengan Panduan Perkhidmatan Ejen Kastam yang disemak semula pada 30 Mei 2024*

## **Notis Hakcipta**

Hak Cipta 2024 Jabatan Kastam Diraja Malaysia

Hak Cipta terpelihara. Tertakluk kepada Akta Hakcipta, 1987 (Malaysia).

Panduan ini boleh ditarik balik, sama ada secara keseluruhannya atau sebahagiannya, dengan penerbitan panduan baru. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula, disimpan dalam sistem pengambilan atau dihantar dalam apa-apa bentuk, termasuk di tempat untuk tujuan komersil tanpa kebenaran bertulis daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM). Dalam menghasilkan semula atau mengutip kandungan, pengiktirafan sumber diperlukan.

## **Penafian**

Maklumat ini bertujuan untuk memberikan pemahaman umum mengenai layanan yang relevan di bawah Cukai Perkhidmatan dan bertujuan untuk memberikan pemahaman umum tentang kewajipan pembayar cukai. Ia tidak bertujuan untuk mengatasi semua masalah cukai yang mungkin timbul secara komprehensif. Walaupun JKDM telah mengambil inisiatif untuk memastikan bahawa semua maklumat yang terkandung di dalam Panduan ini adalah betul, JKDM tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan dan ketidaktepatan yang mungkin terkandung, atau apa-apa kerugian kewangan atau lain-lain yang dilakukan oleh individu menggunakan maklumat dari Panduan ini. Semua maklumat adalah semasa persediaan dan tertakluk kepada perubahan apabila perlu.

## KANDUNGAN

<b>PENGENALAN .....</b>	<b>1</b>
<b>TERMINOLOGI .....</b>	<b>1</b>
<b>PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN .....</b>	<b>2</b>
<b>OPERASI UMUM INDUSTRI .....</b>	<b>2</b>
<b>Gambaran Keseluruhan Perkhidmatan Ejen Kastam.....</b>	<b>2</b>
<b>LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN.....</b>	<b>4</b>
<b>PERINTAH PENGECUALIAN DAN PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN .....</b>	<b>7</b>
<b>PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR .....</b>	<b>8</b>
<b>SOALAN-SOALAN LAZIM .....</b>	<b>9</b>
<b>PERTANYAAN.....</b>	<b>12</b>
<b>BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST .....</b>	<b>12</b>

## PENGENALAN

1. Cukai Perkhidmatan adalah cukai kepenggunaan yang ditadbir oleh Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan perundangan subsidiarinya. Tarikh kuat kuasa Akta Cukai Perkhidmatan 2018 adalah 1 September 2018.
2. Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan yang dipanggil "perkhidmatan bercukai".
3. Seseorang yang menyediakan perkhidmatan bercukai yang melebihi nilai ambang yang ditetapkan perlu didaftarkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018 dan dikenali sebagai "orang berdaftar" yang dikehendaki mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai yang dibekalkan kepada pelanggannya.
4. Panduan industri ini disediakan untuk membantu perniagaan memahami layanan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan ejen kastam.
5. Panduan ini hendaklah dibaca bersama **Panduan Perkhidmatan Logistik**.

## TERMINOLOGI

6. Bagi maksud panduan ini:
  - (i) **"Ejen Kastam"** ertinya mana-mana orang yang diluluskan di bawah seksyen 90, Akta Kastam 1967 untuk menjalankan sebarang urusan perkastaman bagi pihak orang lain (*Seksyen 90, Akta Kastam 1967*).
  - (ii) **"Kawasan Ditetapkan" (KD)** ertinya Labuan, Langkawi, Tioman, dan Pangkor. (*Seksyen 2, Akta Cukai Perkhidmatan 2018*);
  - (iii) **"Kawasan Khas" (KK)** ertinya mana-mana zon bebas di bawah seksyen 3, Akta Zon Bebas 1990, gudang berlesen di bawah seksyen 65, Akta Kastam 1967 (AK1967) dan gudang pengilangan berlesen di bawah seksyen 65A (AK1967), kawasan pembangunan bersama (KPB) dan Pengkalan Bekalan Petroleum (*Seksyen 77b, AK1967*);

- (iv) “**Perkhidmatan logistik**” ertinya perkhidmatan yang melibatkan suatu rangkaian bekalan dengan merancang, melaksana dan mengawal pergerakan dan penyimpanan barang, perkhidmatan serta maklumat berkaitan secara cekap dan berkesan dari lokasi asal hingga ke lokasi penggunaan untuk memenuhi keperluan pelanggan.

## **PENGENAAN DAN SKOP CUKAI PERKHIDMATAN**

7. Mulai 1 September 2018, penyediaan perkhidmatan pelepasan barangan dari kawalan Kastam (ejen Kastam) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah Butiran 3, Kumpulan I, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
8. Mulai 26 Februari 2024, perkhidmatan ejen kastam di pindahkan ke **Perkhidmatan Logistik** di bawah Butiran 2, Kumpulan J, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
9. Kadar cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas perkhidmatan ejen kastam ialah 6%.

## **OPERASI UMUM INDUSTRI**

### **Gambaran Keseluruhan Perkhidmatan Ejen Kastam**

10. Di bawah peruntukan Seksyen 90 Akta Kastam 1967, ejen kastam dilantik oleh pengimport atau pengeksport untuk membuat sebarang transaksi kastam bagi pihak mereka. Perkhidmatan ejen kastam merangkumi ejen penghantaran (*forwarding Agent*), ejen perkapalan (*shipping agent*) dan ejen pengangkut barang (*freight Forwarder*).
11. Bagi tujuan cukai perkhidmatan, perkhidmatan **pelepasan barangan dari kawalan kastam** yang disediakan oleh ejen penghantaran (*forwarding Agent*) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

12. Kumpulan dan butiran perkhidmatan bercukai bagi ejen kastam adalah seperti di **Jadual 1**.

**Jadual 1**

<b>EJEN KASTAM</b>	<b>PERKHIDMATAN</b>	<b>PERKHIDMATAN BERCUKAI</b>
Ejen Penghantaran ( <i>Forwarding Agent</i> )	menguruskan pengikraran dan pelepasan dagangan daripada kawalan kastam	Butiran 2, Kumpulan J
Ejen Perkapalan ( <i>Shipping Agent</i> )	menguruskan perkara yang berhubung dengan kemasukan atau pelepasan vessel	Butiran 1(a), Kumpulan J
Ejen Pengangkut Barang ( <i>Freight Forwarder</i> )	Menguruskan pengikraran manifes laut dan udara	Butiran 1(a), Kumpulan J

13. Bagi tujuan pendaftaran cukai perkhidmatan, tiada nilai ambang ditetapkan untuk perkhidmatan ejen penghantaran. Ejen penghantaran yang berdaftar dan dilesenkan di bawah seksyen 90(2) Akta Kastam 1967, hendaklah membuat permohonan pendaftaran cukai perkhidmatan dalam tempoh 14 hari dari tarikh kelulusan sebagai ejen kastam.

14. Selaras dengan peruntukan Seksyen 90(1)(aa) Akta Kastam 1967, syarikat yang bertindak sebagai Ejen Kastam hendaklah berdaftar sebagai orang kena cukai di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018.

15. Ejen kastam (ejen penghantaran) yang dilesenkan di bawah seksyen 90(2) Akta Kastam 1967 sahaja boleh berdaftar di bawah Butiran 2, Kumpulan J, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

## LAYANAN CUKAI PERKHIDMATAN

16. Untuk tujuan cukai perkhidmatan, **semua perkhidmatan yang disediakan bagi tujuan pelepasan barangan dari kawalan kastam** adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan. Di antara perkhidmatan-perkhidmatan tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Penyediaan atau pindaan ke atas pengisytiharan borang kastam;
- (ii) Pengemukaan barangan untuk pemeriksaan kastam;
- (iii) Dokumentasi;
- (iv) Pengendalian / penghantaran;
- (v) Pemeriksaan / kehadiran ke pemeriksaan;
- (vi) Caj telat (*sealing*)/ *sil dan pecah sil*;
- (vii) *Electronic Data Interchange* (EDI);
- (viii) Kerja lebih masa (berkaitan dengan pelepasan barang sahaja);
- (ix) Caj-caj lain bagi tujuan pelepasan barangan dari kawalan kastam.

*\*Nota: Senarai di atas adalah tidak muktamad*

**Termasuk sebarang caj** yang dikenakan oleh ejen kastam yang dinyatakan dalam invoice bagi menyediakan perkhidmatan kepada pelanggannya.

### **Contoh 1**

*Caj yang dikenakan oleh ejen kastam kepada pelanggannya adalah seperti berikut:*

- (i) Perkhidmatan pelepasan barangan dari kawalan kastam*
- (ii) Electronic Data Interchange (EDI)*
- (iii) Caj telat (seal); atau*
- (iv) Pengemukaan barangan untuk pemeriksaan kastam.*

*Semua perkhidmatan di atas adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

## **Contoh 2**

*Sekiranya pemeriksaan barangan oleh pihak kastam dilakukan di luar waktu pejabat, ejen kastam mengenakan caj lebih masa kepada pelanggannya. Caj lebih masa tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana caj lebih masa adalah sebahagian daripada proses pelepasan barang daripada kawalan kastam.*

## **Contoh 3**

*Yazz Forwarding Agent (YFA) adalah merupakan ejen kastam yang menggunakan perkhidmatan Teguh Bersatu Enterprise (TBE) bagi mewakili pihaknya untuk menjalankan pemeriksaan fizikal barangan bersama pihak Kastam.*

*Caj yang dikenakan oleh pihak ketiga TBE kepada YFA yang seterusnya dicaj kepada pelanggan sama ada terdapat elemen nilai tambah (mark up) atau tidak adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

## **Contoh 4**

*Encik Yuzy mengimport pokok ke Malaysia. Bagi tujuan pelepasan kastam, permit daripada Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (di bawah Peraturan 5 Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981) diperlukan untuk pokok dan produk tumbuhan yang diimport ke negara ini. Bayaran **yuran berkanun** sebanyak RM15 akan dikenakan oleh Jabatan Pertanian (agensi kerajaan) untuk permit tersebut.*

*Encik Yuzy melantik ejen kastam untuk mendapatkan permit dan pelepasan pokok / produk tumbuhan daripada kawalan kastam. Ejen kastam mengenakan caj dokumentasi, pengendalian (termasuk yuran lain yang dikenakan ejen kastam berkaitan dengan memperoleh permit tersebut) dan yuran pemeriksaan kepada Encik Yuzy. Yuran yang dikenakan adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan kecuali yuran berkanun yang dikenakan oleh Jabatan Pertanian. Yuran berkanun (tanpa mark-up) yang dikenakan oleh agensi kerajaan tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan.*

### **Contoh 5**

*Encik Yuzy mengimport pokok ke Malaysia. Untuk tujuan pelepasan kastam, permit daripada Jabatan Pertanian Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak (di bawah Peraturan 5 Peraturan Kuarantin Tumbuhan 1981) diperlukan untuk pokok dan produk tumbuhan yang diimport ke negara ini. Yuran sebanyak RM15 dikenakan oleh Jabatan Pertanian (agensi kerajaan) untuk permit tersebut.*

*Encik Yuzy melantik ejen kastam hanya untuk mendapatkan permit daripada Jabatan Pertanian tetapi ejen kastam tersebut tidak dilantik untuk tujuan pelepasan barang daripada kawalan kastam. Perkhidmatan yang disediakan dan dicaj untuk memperoleh permit tidak tertakluk kepada cukai perkhidmatan kerana perkhidmatan tersebut tidak berkaitan dengan tujuan pelepasan kastam.*

17. Selain melaksanakan perkhidmatan pelepasan barang daripada kawalan kastam, terdapat juga ejen kastam menjalankan **perkhidmatan-perkhidmatan lain** yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan seperti memberi cadangan dan khidmat nasihat ke atas kos pengurusan penghantaran, caj berkaitan perkhidmatan di pelabuhan dan caj insurans kepada pelanggan supaya kos lebih efisien dan menguntungkan. Perkhidmatan ini tertakluk di bawah perkhidmatan perundingan.

18. Jika seorang ejen kastam menyediakan perkhidmatan yang tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah kumpulan perkhidmatan bercukai lain, ejen kastam tersebut adalah bertanggungjawab untuk menambah jenis perkhidmatan bercukai mengikut mana-mana kumpulan perkhidmatan bercukai di bawah Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.

### **Contoh 6**

*Syarikat Masmira telah mendapat khidmat nasihat dan pandangan daripada ejen kastam Natasa Global Forwarding Sdn Bhd (NGF) berkenaan prosedur pengimportan dan pengeksportan. NGF menerangkan prosedur-prosedur dan dokumen-dokumen yang berkaitan dengan urusan pengimportan dan pengeksportan barang syarikat Masmira. NGF mengenakan bayaran bagi*

*perkhidmatan khidmat nasihat tersebut. Walaupun NGF tidak memberikan perkhidmatan ejen kastam kepada Masmira tetapi perkhidmatan khidmat nasihat yang diberikan oleh NGF adalah satu perkhidmatan bercukai di bawah Butiran 7, Ruang(2), Kumpulan G, Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.*

## PERINTAH PENGECUALIAN DAN PENGENAAN CUKAI PERKHIDMATAN

19. Mulai 1 Mac 2024, selaras dengan kuasa Menteri di bawah seksyen 34(1), Akta Cukai Perkhidmatan 2018, Perintah Cukai Perkhidmatan (Orang Yang Dikecualikan Daripada Pembayaran Cukai) 2018 (Pindaan) 2024, pengecualian cukai perkhidmatan diberikan kepada penyedia perkhidmatan di bawah **butiran yang sama** di dalam ruang (1), Kumpulan J adalah seperti berikut:

i.	1(a)	→	1(a)
ii.	1(c)	→	1(c)
iii.	1(d)	→	1(d)
iv	2	→	2

20. Mana-mana orang yang bertindak sebagai ejen kastam (*ejen penghantaran*) di bawah Butiran 2, Kumpulan J, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 layak mendapat pengecualian cukai jika menggunakan perkhidmatan ejen kastam yang lain.

21. Perkhidmatan ejen kastam kepada penyedia perkhidmatan di bawah Butiran 1, Kumpulan J, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

22. Selaras dengan kuasa Menteri juga di bawah seksyen 51 dan 56 Akta Cukai Perkhidmatan 2018, pindaan di buat ke atas Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenaaan Cukai bagi Perkhidmatan Bercukai berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas) 2024. **Perkhidmatan ejen kastam** yang disediakan di dalam dan di antara **Kawasan Ditetapkan** dan **Kawasan Khas** atau sebaliknya adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan (Dasar Cukai Perkhidmatan Bil 4/2024).

## **PENDAFTARAN DAN TANGGUNGJAWAB ORANG BERDAFTAR**

23. Pembekal perkhidmatan yang mencapai nilai perkhidmatan bercukai yang ditetapkan bagi perkhidmatan bercukai adalah dikehendaki berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Pendaftaran Cukai Perkhidmatan.

24. Orang berdaftar adalah bertanggungjawab untuk:

- (i) Mengenakan cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan bercukai;
- (ii) Mengeluarkan invois dan resit kepada pelanggan berkenaan dengan apa-apa transaksi yang berkaitan dengan penyediaan perkhidmatan bercukai;
- (iii) Mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 secara elektronik dan membayar cukai perkhidmatan sebelum tarikh tamat tempoh;
- (iv) Menyimpan rekod yang sewajarnya berhubung dengan transaksi cukai perkhidmatan.

25. Untuk maklumat lanjut mengenai tanggungjawab orang berdaftar, sila rujuk *Panduan Umum Cukai Perkhidmatan*.

## SOALAN-SOALAN LAZIM

1.     **S** : **Bagaimana untuk menjadi orang berdaftar?**  
J : Mana-mana orang yang menyediakan perkhidmatan ejen kastam perlu memohon pendaftaran secara atas talian melalui pautan [www.mysst.customs.gov.my](http://www.mysst.customs.gov.my).
  
2.     **S** : **Bagaimanakah cara menghantar penyata dan membuat bayaran cukai?**  
J : Orang berdaftar perlu mengemukakan penyata cukai perkhidmatan SST-02 dan membuat bayaran secara elektronik (MySST) atau melalui kiriman pos ke Pusat Pemprosesan Kastam di Kelana Jaya. Kaedah pembayaran sama ada melalui perbankan elektronik, cek atau draf bank. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk Panduan Penyata dan Pembayaran (Cukai Jualan & Cukai Perkhidmatan).
  
3.     **S** : **Adakah orang berdaftar perlu mengeluarkan invoice?**  
J : Ya. Orang berdaftar perlu mengeluarkan invoice ke atas semua transaksi yang dibuat. Orang berdaftar boleh mengemukakan permohonan dan tertakluk kepada kelulusan Ketua Pengarah untuk menggunakan lain-lain dokumen bagi tujuan menggantikan invoice. Untuk keterangan lanjut sila rujuk Panduan Umum Cukai Perkhidmatan 2018.
  
4.     **S** : **Adakah perkhidmatan pengangkutan barang (*haulage*) tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**  
J : Ya. Perkhidmatan pengangkutan barang (*haulage*) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan di bawah perkhidmatan bercukai, Butiran 1 Kumpulan J Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018, Perkhidmatan Logistik.

- 5        **S** : **Jika ejen kastam ada memberi perkhidmatan bercukai lain di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018 kepada pelanggannya. Bagaimana untuk mengira nilai ambang bagi perkhidmatan bercukai lain tersebut bagi tujuan pendaftaran?**
- J** : Untuk tujuan pendaftaran bagi penyediaan perkhidmatan bercukai lain tersebut, pengiraan nilai ambang adalah ditentukan mengikut kumpulan perkhidmatan yang dinyatakan di dalam Jadual Pertama, Peraturan-Peraturan Cukai Perkhidmatan 2018.
- 
6.        **S** : **Ejen kastam telah melantik pihak ketiga dalam menjalankan perkhidmatan pelepasan barangan daripada kawalan kastam. Contohnya pemeriksaan fizikal barangan. Pihak ketiga telah mengenakan caj ke atas perkhidmatan tersebut kepada ejen kastam. Ejen kastam seterusnya akan menuntut semula bayaran caj tersebut kepada pelanggannya. Adakah transaksi ini melibatkan cukai perkhidmatan?**
- J** : Ya. Jika tuntutan tersebut adalah sebahagian daripada proses pelepasan barangan daripada kawalan kastam, maka perkhidmatan tersebut adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.
- 
7.        **S** : **Adakah perkhidmatan pelepasan barangan dari kawalan kastam oleh ejen kastam yang berpusat di kawasan utama kastam (KUK) dan menjalankan perkhidmatan di Kawasan Khas (KK) adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J** : Ya. Perkhidmatan yang disediakan di dalam KK adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 55, ACP 2018.

8. **S : Adakah perkhidmatan pelepasan barangan dari kawalan kastam oleh ejen kastam yang berpusat di KUK dan menjalankan perkhidmatan di Kawasan Ditetapkan (KD) adalah tertakluk kepada Cukai Perkhidmatan?**
- J : Ya. Perkhidmatan yang disediakan di dalam KD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 49, ACP 2018.
9. **S : Adakah perkhidmatan pelepasan barangan daripada kawalan kastam oleh ejen kastam yang berpusat di KD dan menjalankan perkhidmatan di dalam KD kepada pelanggan di KUK adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya. Perkhidmatan yang disediakan di dalam KD adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 56 Akta Cukai Perkhidmatan 2018, pindaan 2024 di buat ke atas Perintah Cukai Perkhidmatan (Pengenalan Cukai bagi Perkhidmatan Bercukai berkenaan dengan Kawasan Ditetapkan dan Kawasan Khas) mulai 1 Mac 2024.
10. **S : Jika ejen penghantar barang (*freight forwarder*) melantik ejen kastam (*forwarding agent*) bagi membuat pelepasan barangan daripada kawalan kastam bagi pihak pelanggannya, adakah tertakluk kepada cukai perkhidmatan?**
- J : Ya. Perkhidmatan ejen kastam kepada ejen penghantaran barang adalah tertakluk kepada cukai perkhidmatan.

## **PERTANYAAN**

Sebarang panduan berkaitan panduan ini sila berhubung:

Bahagian Cukai Dalam Negeri (SST)  
Cawangan Dasar Cukai Perkhidmatan (CDCP)  
Jabatan Kastam Diraja Malaysia  
Tingkat 5-6, Tower A, Suasana PjH  
Jalan Tun Abdul Razak, Presint 2  
62100 Putrajaya.

## **BANTUAN SELANJUTNYA DAN INFORMASI BERKAITAN SST**

Informasi selanjutnya boleh didapati di:

- (i) Laman Web SST: <https://mysst.customs.gov.my>
- (ii) Pusat Panggilan Kastam
  - Hotline : 1-300-888-500
  - Tel : 03-8882 2100 / 2300/ 2500
  - Email : [ccc@customs.gov.my](mailto:ccc@customs.gov.my)